

KEJOHANAN PAYUNG TERJUN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (3RD TERENGGANU CHALLENGE 2017)

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2468-kejohanan-payung-angkatan-tentera-malaysia-3rd-terengganu-challenge-2017

GONG BADAH - Kejohanan Payung Terjun Angkatan Tentera Malaysia (*3rd Terengganu Challenge 2017*) sedang berlangsung mulai 22 September hingga 30 September 2017 di Kompleks Sukan Negeri Terengganu.

Kejohanan ini disertai bukan sahaja daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan malahan turut disertai oleh Pasukan Payung Terjun PDRM, Pasukan Payung Terjun Bomba dan Penyelamat Malaysia, Malaysia Skydive, Pasukan Payung Terjun China, Pasukan Payung Terjun Bahrain dan Pasukan Payung Terjun Indonesia.

Acara acara yang dipertandingkan adalah acara ketepatan payung sukan dan payung tentera (*accuracy*), acara formasi udara (*formation skydive*) dan acara formasi payung di udara (*canopy formation skydive*).



